

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN BAGI PENJUALAN MINUMAN BERALKOHOL YANG DINYAHALKOHOL DI BAWAH PERATURAN 386B, PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985 DAN PELABELAN SPESIFIKNYA

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada industri makanan dan pihak penjual mengenai keperluan yang perlu dipatuhi bagi penjualan minuman beralkohol yang dinyahalkohol berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (PPM 1985) termasuklah keperluan pelabelan pada bungkusan dan lain-lain keperluan untuk tujuan jualan.

2.0 TAKRIFAN

Di bawah Peraturan 386B, PPM 1985 memperuntukkan **minuman beralkohol yang dinyahalkohol** hendaklah:

- apa-apa minuman beralkohol yang mempunyai standard di bawah PPM 1985 seperti bir, wain dan lain-lain di mana kandungan alkoholnya telah dikeluarkan.
- mengandungi peratus kandungan alkohol **tidak lebih daripada 0.5%**.
- boleh mengandungi bahan pemanis dan bahan perisa yang dibenarkan.

3.0 KEPERLUAN PELABELAN PADA BUNGKUSAN BAGI MINUMAN BERALKOHOL YANG DINYAHALKOHOL UNTUK TUJUAN JUALAN

3.1 PERKARA YANG PERLU DILABEL:

(1) Di bawah Peraturan 386B(3), keperluan pelabelan di bawah Peraturan 361(2) dan Peraturan 361(2A), PPM 1985 adalah terpakai. Maka perkataan berikut hendaklah ditulis pada bungkusan:

(i) **“ARAK MENGANDUNGI% ALKOHOL”**

- dengan tulisan huruf bukan serif, huruf besar, huruf tebal, saiz penghurufan lebih daripada 12 poin dan dinyatakan pada panel paparan utama label.

Amaun alkohol hendaklah ditulis dalam **sekurang-kurangnya 2 tempat perpuluhan**. Contoh: **“ARAK MENGANDUNGI 0.04% ALKOHOL”**

(ii) **“MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN”**

- dengan huruf bukan serif dan saiz penghurufan lebih daripada 12 poin.

(2) Di bawah Peraturan 386B(4), apa-apa bungkusan yang mengandungi minuman beralkohol yang dinyahalkohol hendaklah ditulis pada panel paparan utama label perkataan **“dinyahalkohol”** dan memenuhi keperluan berikut:

(i) ditulis dalam penghurufan yang seragam seperti saiz penghurufan dan jenis penghurufan yang sama.

(ii) digabungkan dengan nama mana-mana minuman beralkohol lain di bawah PPM 1985 seperti brandi, wiski, vodka dan lain-lain.

- **Pelabelan umum** yang wajib ke atas produk makanan **adalah masih terpakai** seperti penggunaan bahasa, senarai ramuan, pernyataan aditif (jika ada), berat bersih, nama dan alamat pengilang, nama dan alamat pengimport (jika berkaitan) dan nama negara asal (jika berkaitan). Sila **rujuk Garis Panduan Am Pelabelan Makanan** (<http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/page.php?id=441000080>)

3.2 PERKARA YANG TIDAK DIBENARKAN DILABEL


- Di bawah Peraturan 386B(5) di bawah PPM 1985, penggunaan perkataan-perkataan berikut adalah **dilarang** pada label bungkusan produk minuman beralkohol yang dinyahalkohol:
 - (i) “Sifar alkohol”, “0 alkohol”, “bebas alkohol”, “tiada alkohol”, “tanpa alkohol” dan apa-apa perkataan atau pernyataan lain yang mempunyai makna yang sama.
 - (ii) “Jus”, “minuman ringan” dan apa-apa perkataan atau pernyataan lain yang menyatakan, membayangkan atau menyifatkan minuman beralkohol yang dinyahalkohol adalah minuman ringan atau jus.
- Larangan adalah terpakai bagi apa-apa perkataan atau pernyataan termasuklah melalui gambar, logo atau simbol.
- Perkara-perkara lain yang dilarang pada label produk makanan di bawah PPM 1985 seperti di bawah Peraturan 18 **adalah masih terpakai**.

4.0 CONTOH PELABELAN YANG DIBENARKAN (✓) – Panel Hadapan

(A)



(B)



5.0 CONTOH PELABELAN YANG TIDAK DIBENARKAN (~~x~~) – Panel Hadapan

(A)



Perkataan “WAIN” dan “dinyahalkohol” tidak seragam dari segi jenis dan saiz penghurufan.

Pernyataan yang melambangkan jus tidak dibenarkan.

(B)



Perkataan “dinyahalkohol” dan “WAIN” tidak seragam dari segi jenis dan saiz penghurufan.

Pernyataan “ZERO ALKOHOL” adalah tidak dibenarkan.

% kandungan alkohol tidak tepat kerana tidak ditulis sekurang-kurangnya 2 tempat perpuluhan.

(C)



Tiada nama minuman beralkohol digabungkan dengan perkataan "dinyahalkohol".

Pernyataan dan gambar yang melambangkan jus tidak dibenarkan.

6.0 KEPERLUAN LAIN BAGI PENJUALAN MINUMAN BERALKOHOL YANG DINYAHALKOHOL

6.1 Di bawah Peraturan 386B(3),(4) dan (5) di bawah PPM 1985, minuman beralkohol yang dinyahalkohol hendaklah:

- dibungkus dalam botol kaca, tin aluminium, botol plastik atau botol porselin.
- tidak boleh dijual kepada individu di bawah umur 21 tahun.
- dipamer di kabinet atau rak pameran yang berasingan daripada kabinet atau rak pameran yang digunakan untuk makanan/minuman lain.

6.2 Di bawah Peraturan 386B(5A) di bawah PPM 1985, penjual minuman beralkohol yang dinyahalkohol hendaklah:

- meletakkan notis di hadapan lokasi di mana minuman beralkohol yang dinyahalkohol tersebut dipamer untuk jualan seperti berikut:

"MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN"

- dengan huruf besar dan hitam tebal dengan tulisan bukan serif, bersaiz penghurufan lebih daripada 48 poin dan berlatar belakang merah.
- Mempamer di kaunter jualan suatu tanda yang mudah dilihat tentang larangan jualan minuman beralkohol kepada individu di bawah umur 21 tahun seperti berikut:



- Papan tanda berlatar belakang berwarna putih, berbentuk segi empat tepat (50cm lebar x 60cm panjang).
- Huruf pesanan: berhuruf besar dan hitam tebal dengan tulisan bukan serif, bersaiz penghurufan lebih daripada 48 poin dan jenis huruf adalah Arial.
- Bahan papan tanda: apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama.

7.0 DENDA DAN PENALTI

Peraturan 361(8) dan 397, PPM 1985 menetapkan bahawa mana-mana orang yang melakukan kesalahan terhadap Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada dua tahun.

8.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
No.26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: 03-8885 0797

Fax: 03-8889 0790

Email: fsq-division@moh.gov.my

Laman Web: <http://fsq.moh.gov.my>

*Dikeluarkan oleh:
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Putrajaya
Mac 2021*